

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	05 DECEMBER 2016



Tun Dr Mahathir bersama Kit Siang dan Guan Eng (dua kanan) pada Konvensyen Kebangsaan DAP di Shah Alam, semalam.

Tun Mahathir puji parti cauvinis

BH - 5/12/2016

➔ Bekas PM turut terus perlekeh Perhimpunan Agung UMNO 2016 tidak mampu berbuat apa-apa

Oleh Norrasidah Arshad
Norrasidah@bh.com.my

▸ Shah Alam

Tun Dr Mahathir Mohamad yang berkongsi pentas Konvensyen Kebangsaan DAP dengan bekas musuh ketat politiknya, Lim Kit Siang di sini semalam, memuji persidangan parti cauvinis yang disifatkannya jauh lebih baik berbanding MCA.

Bekas Perdana Menteri juga memperlekehkan perwakilan Perhimpunan Agung UMNO 2016 yang berakhir kelmarin, dengan menyifatkan persidangan parti

yang pernah diterajuinya selama 22 tahun itu tidak mampu berbuat apa-apa.

Beliau mendakwa DAP lebih patuh kepada Perlembagaan dan perkara itu tidak ada dalam MCA.

“Saya tidak pernah dengar MCA bercakap hak istimewa orang Melayu. DAP juga tidak tolak sistem beraja dan agama Islam sebagai agama rasmi tapi MCA tidak cakap demikian.

“DAP adalah parti multiracial. Saya nampak ada tiga kaum dan ini menunjukkan ia bukan parti orang Cina.

“Saya akui pandangan saya da-

hulu terhadap DAP adalah salah,” katanya pada sidang media sempena Persidangan Kebangsaan DAP 2016, di sini, semalam.

Ahli tidak membantah

Beliau sebaliknya mendakwa, ahli UMNO hanya menutup mata, telinga dan mulut tanpa membantah.

“Ahli UMNO sekarang datang pakai baju sama warna tapi tidak bincang apa-apa termasuk isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

“Zaman saya dahulu, baju lain-lain, saya pun pakai semua baju tapi bincang banyak perkara.

“Apa gunanya mesyuarat jika tidak boleh bersuara,” katanya.

Dr Mahathir turut membidas tuduhan pengkhianat yang dilemparkan ke atasnya berikutan duk duk bersama Penasihat DAP, Lim Kit Siang.

Sebaliknya, beliau turut mengheret tuduhan sama ke atas bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah kerana pernah bersama Kit Siang.

“Hanya kerana berdiri dengan Kit Siang, saya dituduh pengkhianat. Saya bukan pengkhianat orang Melayu,” katanya.